

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 12 (A8)**

Apakah perancangan jangka pendek dan perancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah Kompleks Institut Pendidikan Tenang yang terbiar. Kerajaan juga mengalami kerugian dari segi wang ringgit dan kejadian mencuri besi serta barang lain yang berada di dalam Kompleks Institut Pendidikan Tenang.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Hasrat kerajaan pusat pada awalnya membina kuarters adalah untuk membantu penjawat awam yang tidak berkemampuan memiliki sebuah kediaman yang selesa. Pembinaan Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) Tenang yang terletak bersebelahan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Kamarul Ariffin, Labis, Segamat adalah bagi kegunaan guru-guru dan kakitangan pendidikan di kawasan sekitar Labis. Kuarters ini telah siap dibina dan boleh digunakan pada tahun 2008 dengan kemudahan 5 buah blok terdiri 40-unit buah rumah berkelas F.

Faktor utama menyebabkan tiada pengisian oleh guru-guru dan kakitangan pendidikan adalah tidak berminat menduduki kuarters ini disebabkan pemotongan penuh elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan separuh elaun Bantuan Sara Hidup (COLA). Faktor ini mendorong warga pendidikan memilih untuk menyewa sebuah rumah lain yang lebih murah berbanding tinggal di kuarters yang akhirnya menyebabkan kerosakan akibat tidak diduduki dalam tempoh lama.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menangani isu kuarters guru yang terbiar di seluruh negara termasuk di KIP Tenang. Antara inisiatif KPM ialah menjalankan pembaikan kuarters kosong yang mempunyai permintaan berdasarkan permohonan dan keutamaan skop penyeleggaran disyorkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Segamat supaya dapat dibuat pengisian namun masih tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan pusat.

Selain itu, KPM menggalakkan aset-aset yang tidak digunakan atau dihuni untuk disewakan kepada pihak swasta / agensi luar ataupun individu yang berminat. Antara syarat penyewaan yang perlu dipatuhi oleh penyewa ialah perlu menanggung kos pembaikan kuarters sendiri bagi mengelakkan aset-aset tersebut mengalami kerosakan akibat tidak diselenggara disamping menjana pendapatan kerajaan pusat.

Dalam tempoh jangka panjang, KPM sedang dalam peringkat melantik perunding swasta bagi menjalankan kajian terhadap semua kuarters miliknya di seluruh negara berkaitan aspek kesesuaian dan kaedah terbaik mengoptimumkan penggunaannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 13 (A7)**

Saya ingin kepastian bilakah projek pembinaan jalan baru daripada Bekok ke Paloh yang telah diluluskan kerajaan Johor dimulakan dan bilakah tarikh dijangka siap sepenuhnya?.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Projek pembinaan yang dinyatakan adalah 'Cadangan Membina Jalan dari Paloh, Kluang ke Bekok, Segamat, Johor telah diluluskan di bawah permohonan Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK-12) *Rolling Plan 1* di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Skop projek ini adalah pembinaan jalan baru yang dianggarkan sepanjang 15KM dengan piawaian JKR R2 yang melibatkan Pengambilan Balik Tanah (PBT) persendirian dan tanah ladang kelapa sawit iaitu Ladang Paloh (milik syarikat Kuala Lumpur Kepong Berhad) dan Ladang Sime Darby Plantation Berhad.

Projek ini adalah projek reka dan bina dan di dalam Fasa Perolehan yang mana Surat Setuju Terima (SST) dijangka pada Ogos 2022. Tempoh penyiapan projek adalah selama 42 bulan.

Dengan terlaksananya projek ini, ianya menjadi laluan alternatif yang menghubungkan Pekan Bekok ke Pekan Paloh yang kini melalui Pekan Yong Peng sejauh 71.3km kepada hanya lebih kurang 15kilometer sahaja.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 14 (A186)**

Mohon pihak SPNB menyenaraikan statistik jumlah penerima rumah mesra rakyat di kawasan Senggarang bermula tahun 2018 hingga 2021. Berapakah jumlah rumah mesra rakyat yang masih tertangguh kelulusannya dan belum dapat diselesaikan.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Suka untuk saya memaklumkan kepada sidang Dewan bahawa peruntukkan ke atas Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk RUMAH MESRA RAKYAT adalah sangat terhad dan kuota peruntukkan setiap Negeri ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan bukan dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB telah melaksanakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi 443 pemohon di Negeri Johor dalam tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 243 unit telah disiapkan dan bakinya berjumlah 200 unit sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada suku keempat tahun ini.

Manakala berdasarkan rekod hanya terdapat dua (2) permohonan lengkap yang diterima di antara tahun 2018 hingga 2021 di kawasan Senggarang. Daripada jumlah tersebut, satu (1) permohonan telah ditolak kerana tidak menepati syarat-syarat kelayakan manakala satu (1) permohonan lagi telah dinilai layak dan kini termasuk di antara pemohon di dalam senarai menunggu bagi Negeri Johor memandangkan peruntukan tahunan program RMR yang diterima SPNB adalah terhad berbanding permintaan yang tinggi terutama di Negeri Johor. Selain itu, terdapat tujuh (7) lagi pemohon di kawasan Senggarang yang sedang dalam proses permohonan di mana dokumen permohonan lengkap belum dikemukakan kepada pihak SPNB.

Permohonan DUN Senggarang 2018-2021

JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA TELAH LENGKAP DOKUMEN	DITOLAK KERANA TIDAK LAYAK	DITERIMA	DALAM PROSES (DOKUMEN LENGKAP)
2	1	1 (sedang dalam senarai menunggu bersama 408 permohon seluruh Johor)	7

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 15 (A50)**

Negeri Johor merupakan negeri yang bermazhab Syafi'e, fahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, aliran As-Sya'irah dan Al Maturidiyah. Mohon YB EXCO nyatakan apakah langkah kerajaan mengekang fahaman lain yang sesat dan menyimpang dari aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

JAWAPAN YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID

Yang Berhormat Maharani, Izinkan saya menjelaskan maksud **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ALIRAN ASYAIRAH MATURIDIYAH**

MAKSUD AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ALIRAN ASYAIRAH MATURIDIYAH

Golongan majoriti yang mengikut sunnah (segala sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W sama ada daripada segi perbuatan, percakapan dan pengakuan serta diamnya Nabi S.A.W) dan berpegang teguh dengannya dalam semua perkara (Akidah, Syariah dan Akhlak) yang Rasulullah S.A.W berada di atasnya, juga sunnah para sahabat baginda dan salafussoleh dan mereka yang mengikuti jejak mereka sehingga hari kiamat.

Pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asya'riah dan Al-Maturidiyah merupakan pegangan Akidah yang diterima dan diiktiraf dalam fatwa Negeri Johor.

KRITERIA UTAMA DAN TERPENTING AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ASYA'IRAH DAN MATURIDIYAH

Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Asya'irah Maturidiyah adalah aliran yang sebenar dan matlamat akhirnya adalah untuk mempertahankan, memelihara dan menjaga:

- a) Segala tindak tanduk umat Islam supaya tidak terpesong daripada sumber Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.
- b) Akidah hakiki yang suci lagi murni, Feqh Syafie dan tiga mazhab yang lain serta akhlak, moral dan tasawwuf islami.
- c) Maqasid Syar'iah dan kesejahteraan Islam seperti Wasatiyah dan lain-lainnya.
- d) Keindahan Islam daripada dicemari oleh unsur-unsur luar.
- e) Kebaikan muslim di dunia dan lebih-lebih lagi kebaikan di akhirat.

LANGKAH KERAJAAN MENGEKANG FAHAMAN LAIN YANG SESAT DAN MENYIMPANG DARI ALIRAN AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH :

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

1. Memperkukuhkan kerjasama strategik antara JAKIM dan JAIN dengan agensi-agensi perisik dan keselamatan di peringkat negeri dan persekutuan supaya semua maklumat mengenai ancaman akidah dapat disalurkan dengan lebih pantas.

- a) Kaedah starategik antara JAKIM dan JAINJ melalui penyaluran dan perkongsian isu akidah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Ancaman Akidah peringkat persekutuan dan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi hal Ehwal Ugama Islam (MKI)
- b) Kaedah penubuhan Group Whatsasp rasmi yang melibatkan semua penyelidik2 akidah di setiap negeri.
- c) Kerjasama yang erat dengan PDRM, NGO Islam dan agensi berkaitan dalam penerimaan dan penyaluran maklumat sulit bagi menangani ancaman akidah di negeri Johor.

2. Memperkasa Sebaran Dakwah melalui :

- a) Program Pengukuhan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam bentuk penulisan, Modul, Warta dan Jurnal
- b) Mengadakan Program Multaqa Ulama' dan Ilmuwan Darul Takzim bersama Masyarakat Islam yang mengumpulkan semua ulama ulama dalam menyebarkan, memperkasa dan mempertahankan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah
- c) Mengadakan Forum Akidah secara tahunan di semua daerah dalam Negeri Johor
- d) Mengadakan Ceramah Mutiara Akidah Online di portal rasmi Facebook Jabatan Agama Islam Negeri Johor.
- e) Hebahan Infografik setiap 2 kali seminggu di portal rasmi Facebook Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

3. Mewujudkan Dewan Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor

- a) Pengwujudan Dewan Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asya'riah Dan Al-Maturidiah ini adalah untuk mewujudkan pakar pakar yang mahir dalam segala urusan berkaitan akidah bagi memperkukuhkan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Aliran Al-Asya'riah Dan Al-Maturidiah dikalangan masyarakat Islam Negeri Johor dan mewujudkan kehidupan masyarakat yang selamat dari fahaman fahaman yang bertentangan dengannya

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

- b) **Terkini** : Dalam Melantik Ahli ahli Rujuk Dalam dan Luar Negeri serta Ahli Negeri yang akan ditandatangani pelantikan nya oleh YB Dato' Mufti Johor.

4. Mewujudkan Briged Ahli Sunnah Wal Jemaah

- a) Satu pasukan yang bertugas melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti bantuan banjir dan lain lain.
- b) Bertindak sebagai perisik membantu mengenalpasti isu-isu akidah syariah dan akhlak yang bercanggah dengan akidah di kawasan tempatan.
- c) **Terkini** : Bergiat aktif dalam semua aktiviti Masyarakat

5. Mewujudkan Pusat Pemulihan Syariah Islam Negeri Johor.

- a) Pusat Pemulihan Syariah Islam Negeri Johor merupakan pusat atau rumah yang dikehendaki oleh undang-undang sebagai patut dan wajib diwujudkan untuk melengkapkan proses hukuman bagi mereka yang dikomitkan oleh Mahkamah Syariah atas kesalahan Jenayah Syariah.
- b) Pelanggaran masyarakat Islam pada perkara-perkara berkaitan akidah seperti ajaran yang telah difatwakan sesat dan meragukan atau mereka yang disabitkan kesalahan oleh Mahkamah Syariah atas kesalahan akidah, mempersendakan ayat al-Quran atau Hadith dan sebagainya adalah termasuk mereka yang boleh dikomitkan ke Pusat Pemulihan dan Rumah Pemulihan Syariah Islam Negeri Johor.
- c) Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan semasa Resolusi Multaqa Ulama kali pertama bertarikh 8 Disember 2010 untuk mewujudkan Pusat Pemulihan dan Rumah Pemulihan Syariah Islam Negeri Johor dengan fokus utamanya ialah pemulihan akidah.
- d) Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor melaporkan sebanyak 29,065 kes melibatkan Kesalahan Jenayah Syariah dalam tempoh 10 tahun. 71 kes daripadanya adalah kes pelanggaran Enakmen Jenayah Syariah yang melibatkan ajaran dan amalan sesat.
- e) Sebagai hukuman alternatif kepada mereka yang disabitkan kesalahan jenayah syariah oleh Mahkamah Syariah.
- f) **Status Terkini** : Dalam permohonan ulasan semua agensi berkaitan seperti JKR, PBT, Majlis Keselamatan Negeri dan Kementerian Dalam Negeri , Pejabat Penasihat Undang undang Negeri Johor. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan perbendaharaan Negeri Johor untuk kelulusan peruntukan kewangan secara keseluruhan sebelum dimasukkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan (MMK).

- 6. Membuat edaran pamphlet, warta dan risalah-risalah berkaitan akidah :**
- a) Di Bangunan Agensi2 kerajaan dan swasta, Masjid masjid dan Surau dan di Program rasmi kerajaan.
 - b) Membuat Roadshow Akidah di semua daerah.
 - c) Membuat Pameran di semua festival atau karnival anjuran Pelbagai Agensi.
 - d) Mengedarkan pamplet dan risalah melalui kembara street dakwah bersama agensi di tempat tempat tempat awam

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 16 (A2)**

Adakah program Pusat Pelaburan Negeri Johor masih dijalankan dan apakah inisiatif yang terbaru bagi penggal baru iaitu dari tahun 2022 hingga tahun 2027?

JAWAPAN YB TUAN LEE TING HAN

Bagi makluman Yang Berhormat Jementah, Pusat Pelaburan Negeri Johor, ataupun Johor State Investment Centre (JSIC) yang ditubuhkan pada 7 Julai 2004 telah pun dijenamakan sebagai Invest Johor pada tahun 2019 sebagai usaha transformasi bahawa Kerajaan Negeri yang komited dan proaktif dalam menarik pelaburan yang strategik serta berimpak tinggi ke negeri Johor. Selepas 18 tahun penubuhannya, tugas dan peranan Invest Johor menjadi semakin bertambah dan mencabar, seiring dengan revolusi dan tren pelaburan semasa. Justeru, JSIC bukanlah sebuah program, tetapi ia merupakan sebuah agensi pusat sehenti (One Stop Centre) Kerajaan Negeri yang berperanan membantu pelabur yang ingin melabur dan menarik pelaburan luar dan dalam negara ke Negeri Johor.

Sepertimana yang telah dinyatakan pada sesi menjawab persoalan yang Berhormat Tanjung Surat sebelum ini, kerajaan negeri yang diterajui Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun menyediakan pelan perancangan bagi pelaksanaan beberapa inisiatif bagi menambah baik prestasi dan pembangunan sektor pelaburan untuk tempoh masa 5 tahun iaitu dari tahun 2022 sehingga tahun 2027. Antara inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mencapai sasaran negeri Johor sebagai destinasi pelaburan pilihan utama di Malaysia dan di rantau ini adalah:-

- i. Penstrukturan Invest Johor
- ii. Menyediakan Insentif Galakkan Pelaburan dengan penyediaan Tabung Fasilitasi Pelaburan (IFF)
- iii. Mempergiatkan misi pelaburan peringkat domestik dan antarabangsa yang memfokuskan sektor 3H bagi menarik pelaburan berimpak tinggi, teknologi tinggi dan halal.
- iv. Mengoptimumkan Zon-zon industri sedia ada.
- v. Mengenalpasti lokasi-lokasi strategik yang berpotensi bagi pelaksanaan Zon Ekonomi Khas - Special Economic Zone (SEZ).
- vi. Penerbitan video korporat Invest Johor & JCEB.
- vii. Pelaksanaan inisiatif Johor Friendly, Johor Go Global dan lain-lain lagi.

Seperti yang telah dijawab dalam soalan YB Tanjung Surat, Kerajaan negeri sentiasa fokus dan komited dalam menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pilihan utama bagi para pelabur domestik mahupun antarabangsa, ianya dapat dizahirkan dengan penubuhan Invest Johor yang dahulunya dikenali sebagai Johor State Investment

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Committee sebagai agensi pusat sehenti bagi membantu pelabur yang ingin melabur selain menarik pelaburan luar dan domestik ke negeri Johor.

Kerajaan negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus proaktif dan agresif bagi mencapai sasaran menjadikan negeri Johor sebagai pintu masuk pelaburan yang utama ke Malaysia. Selain komited memperkasa fungsi dan peranan Invest Johor, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Invest Johor bagi menarik lebih banyak pelaburan ke negeri ini khususnya pelaburan yang bersifat berimpak tinggi dan berteknologi tinggi, industri halal mahupun industri kreatif.

Bagi mengembalikan keyakinan pelabur selain menzahirkan keprihatinan kerajaan negeri kepada para pelabur sedia ada, Invest Johor telah pun menganjurkan beberapa siri perjumpaan mahupun program bersama organisasi-organisasi pelabur dan pemain industri utama menerusi inisiatif Friendly Johor. Inisiatif ini dilaksanakan bagi mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh mereka dan seterusnya mengambil tindakan proaktif dan pragmatik bagi menangani permasalahan yang dihadapi.

Bagi tujuan menjenama dan mempromosi negeri Johor sebagai destinasi pelaburan yang strategik dan mesra pelabur, kerajaan negeri telah melaksanakan inisiatif 'Johor Go Global'. Kerajaan negeri menerusi Invest Johor dalam usaha menerbitkan beberapa siri video pendek bagi tujuan informasi, promosi dan kesedaran awam khususnya prospek pelabur. Turut akan diterbitkan adalah video korporat Invest Johor dan JCEB (Johor Convention & Exhibition Bureau yang akan berfungsi menjenamakan dan mempromosikan negeri Johor sebagai destinasi pilihan utama bagi pelaburan dan penganjuran acara-acara utama domestik mahupun antarabangsa.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 17 (A122)**

Berapa ramai pemohon rumah Mesra Rakyat dalam Negeri Johor dalam tahun 2021 dan bagaimana status pembinaannya?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Suka untuk saya memaklumkan kepada sidang Dewan bahawa peruntukkan ke atas Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk RUMAH MESRA RAKYAT adalah sangat terhad dan kuota peruntukkan setiap Negeri ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan bukan dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB telah melaksanakan Rumah Mesra Rakyat (RMR) bagi 443 pemohon di Negeri Johor dalam tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 243 unit telah disiapkan dan bakinya berjumlah 200 unit sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada suku keempat tahun ini.

Manakala berdasarkan rekod hanya terdapat dua (2) permohonan lengkap yang diterima di antara tahun 2018 hingga 2021 di kawasan Senggarang. Daripada jumlah tersebut, satu (1) permohonan telah ditolak kerana tidak menepati syarat-syarat kelayakan manakala satu (1) permohonan lagi telah dinilai layak dan kini termasuk di antara pemohon di dalam senarai menunggu bagi Negeri Johor memandangkan peruntukan tahunan program RMR yang diterima SPNB adalah terhad berbanding permintaan yang tinggi terutama di Negeri Johor. Selain itu, terdapat tujuh (7) lagi pemohon di kawasan Senggarang yang sedang dalam proses permohonan di mana dokumen permohonan lengkap belum dikemukakan kepada pihak SPNB.

Permohonan DUN Senggarang 2018-2021

JUMLAH PERMOHONAN DITERIMA TELAH LENGKAP DOKUMEN	DITOLAK KERANA TIDAK LAYAK	DITERIMA	DALAM PROSES (DOKUMEN LENGKAP)
2	1	1 (sedang dalam senarai menunggu bersama 408 pemohon seluruh Johor)	7

UNIT DEWAN,
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR
19 JUN 2022 (ina)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 18 (A130)

Apakah usaha Kerajaan Negeri Johor didalam mencegah penularan penyakit “Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)” yang baru-baru ini telah tersebar dan jumlah kesnya meningkat sebanyak 22 kali ganda mengikut statistik terutamanya dalam kalangan kanak-kanak?

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman pada tahun 2022, negeri Johor melihat peningkatan kes Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD) selari dengan peningkatan yang sedang berlaku di Malaysia. Peningkatan ini telah dijangka berlaku pada tahun ini ekoran kelonggaran Standard Operating Procedure (SOP) tetapi situasi ini masih dalam keadaan yang terkawal.

Di negeri Johor, sehingga 18 Jun 2022, sebanyak 6,987 kes HFMD telah dilaporkan berbanding 104 kes pada tempoh yang sama pada tahun 2021. Kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0-6 tahun iaitu sebanyak 6,048 kes (86.6%), diikuti oleh kumpulan umur 7-12 tahun iaitu 816 kes (11.7%), dan selebihnya adalah berumur lebih daripada 13 tahun.

Sehingga kini, sebanyak 5 wabak aktif HFMD dilaporkan di negeri Johor melibatkan daerah Kota Tinggi (2 wabak), Johor Bahru (2 wabak) dan Batu Pahat (1 wabak).

Lokasi penularan wabak HFMD di Negeri Johor sehingga 18 Jun 2022 di 100 lokasi melibatkan taska (42 wabak) diikuti oleh rumah persendirian (22 wabak), tabika (13 wabak), tadika (9 wabak), prasekolah (7 wabak), sekolah rendah (3 wabak), pusat jagaan harian (2 wabak) dan lain-lain (2 wabak).

Sidang dewan yang dihormati,

Tindakan kawalan dan pencegahan terhadap penyakit HFMD yang diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah ialah:

1. Melaksanakan aktiviti Pengurusan kes HFMD yang dilaporkan, termasuk siasatan kes dan kontak serta tindakan kawalan yang perlu di lokasi penularan
2. Menjalankan pemantauan dan lawatan ke tempat permainan indoor (Indoor Playground) bagi tujuan pendidikan kesihatan, termasuk tindakan penguatkuasaan di lokasi penularan
3. Peringatan dan advokasi pemegangtaruh seperti,

UNIT DEWAN,
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR
19 JUN 2022 (ina)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

- a. Mengeluarkan surat alert kepada semua jabatan dan agensi yang bertanggungjawab menyelia taska, tadika, tabika dan pra-sekolah di peringkat negeri dan daerah;
- b. Mengadakan sesi taklimat kepada pengusaha dan penyelia taska, tadika, tabika dan pra-sekolah, sama ada melalui webinar mahupun sesi townhall bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan penyakit HFMD dan status penularannya di kawasan setempat.
- c. Menyediakan teks hebahan termasuk teks khutbah Jumaat dan diberikan kepada pihak berkaitan, seperti pengurusan masjid dan pasaraya untuk dibuatkan hebahan kepada jemaah atau pengunjungnya;
- d. Menyediakan maklumat berkaitan HFMD melalui infografik di multi-media seperti facebook, twitter, telegram dan lain-lain, serta bual bicara di televisyen serta radio;
- e. Menjalankan hebahan berkala melalui kenyataan akhbar dan pengumuman kepada orang ramai yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan khususnya yang mempunyai taburan kes sporadik yang tinggi agar mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang sewajarnya;

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 19 (A127)**

Apakah langkah-langkah pencegahan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor untuk mengatasi masalah pencemaran udara yang masih berlaku akibat aktiviti kuari di Ulu Choh?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor melalui pemeriksaan yang telah dijalankan ke atas kuari yang terlibat pada 27 April 2022 telah mengarahkan pihak kuari mengadakan akses keluar masuk baru yang tidak melalui kawasan penempatan penduduk bagi mengawal masalah pencemaran habuk yang berlaku di laluan sedia ada.

Dalam pada itu pihak kuari juga dikehendaki untuk memastikan langkah-langkah kawalan lain dilaksanakan sepanjang masa termasuk penggunaan *water sprinkler*, *wash through* , menutup *conveyor belt* dan sebagainya bagi mengurangkan masalah habuk semasa tempoh operasi.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 20 (A133)**

Mohon terangkan apakah usaha kerajaan negeri untuk mengesan jumlah Ibu Tinggal di negeri Johor?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan Negeri Johor melalui YPKDT sentiasa berusaha dalam menyampaikan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan Ibu Tinggal di Negeri Johor. Ibu Tinggal yang berdaftar dibawah YPKDT dikategorikan kepada 4 kategori iaitu:

- 1) Wanita yang telah diceraikan secara hidup atau mati.
- 2) Wanita yang menjaga suami uzur
- 3) Wanita yang ditinggal suami
- 4) Wanita belum berkahwin dan menjaga anak angkat

YPKDT mempunyai sistem yang menyimpan data-data Ibu Tinggal yang memohon sendiri untuk mendapatkan pelbagai inisiatif dan bantuan dari Kerajaan Negeri yang disalurkan melalui YPKDT. Antara usaha-usaha kerajaan negeri melalui YPKDT **mengesan golongan ini adalah melalui penyertaan-penyertaan golongan sasar dalam pelbagai inisiatif, program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh YPKDT sepanjang tahun.** Selain itu juga, YPKDT juga sentiasa membuka permohonan pendaftaran melalui kempen-kempen promosi dan pameran jabatan.

Malah, YPKDT juga mendapat penglibatan Ibu Tinggal melalui program-program kerjasama bersama Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan melalui program-program *outreach* yang dilaksanakan oleh Penggerak-Penggerak Wanita Darul Ta'zim di peringkat DUN masing-masing. Penggerak Wanita Darul Ta'zim juga diberikan *task force* untuk membuat pemutihan bagi mengenalpasti status terkini Ibu Tinggal yang berdaftar dengan YPKDT. Untuk makluman juga, kebanyakan golongan Ibu Tinggal yang mendaftar adalah kerana ingin memohon dan memperolehi pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh agensi.

Maklumat pemohon dan peserta akan didaftarkan di dalam Sistem Maklumat Golongan Sasar (SMART) YPKDT. Sehingga Mei 2022, seramai **16,810 orang Ibu Tinggal** telah berdaftar dengan YPKDT. Ibu Tinggal YPKDT merentasi semua kaum, agama dan umur. Berikut adalah maklumat terperinci Ibu Tinggal mengikut kategori:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

I) DAERAH

BIL	STATUS	JUMLAH
1	JOHOR BAHRU	2049
2	MUAR	2232
3	BATU PAHAT	5211
4	SEGAMAT	2768
5	KLUANG	989
6	PONTIAN	895
7	MERSING	551
8	KOTA TINGGI	654
9	KULAI	753
10	TANGKAK	708
JUMLAH		16810

II) STATUS TERKINI IBU TUNGGAL

BIL	STATUS	JUMLAH
1	Aktif	10778
2	Tidak aktif	725
3	Berkahwin semula	71
4	Meninggal dunia	1747
5	Tidak dapat dikesan	3392
6	Tidak berminat	97
Jumlah		16810

III) BANGSA

BIL	STATUS	JUMLAH
1	Melayu	15158
2	Cina	953
3	India	660
4	Lain-lain	39
JUMLAH		16810

YPKDT juga menganjurkan pelbagai program wanita dengan berkolaborasi bersama agensi lain bagi mengumpulkan wanita Johor dan memperkasakan wanita terutamanya Ibu Tunggal agar mereka tidak ketinggalan dengan arus pembangunan negara. Antara program yang telah dilaksanakan dengan kerjasama ialah:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

- i) Webinar Pesona Wanita Profesional Negeri Johor dengan kerjasama Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (Akademi JCS)
- ii) Majlis Menandatangani MOU Pemerkasaan Wanita Bersama KPRJ
- iii) Sesi Town Hall: Pemerkasaan Wanita dan Keluarga Bagi Program Sinergi Pemerkasaan NGO Wanita Negeri Johor kerjasama bersama semua Jabatan dibawah Portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.
- iv) Kerjasama dengan Giat Mara bagi Kursus Berfokus Sijil Kemahiran Malaysia (KBKSM) WINGS
- v) Kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi program webinar online *SMART SINGLE MOTHER*.
- vi) Program Sokongan Psikososial Ibu Tunggal dengan Kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- vii) Sesi kaunseling atas talian Klinik Mind-X bersama dengan Kaunselor berdaftar (wanita yang mendapatkan khidmat kaunseling akan dirujuk kepada YPKDT untuk didaftarkan dan diberikan bantuan yang sewajarnya)

Melalui program-program seperti ini, ia dapat membantu YPKDT mengesan Ibu Tunggal dan sekaligus dapat menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan dan inisiatif yang disediakan oleh YPKDT.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)
SOALAN 21 (A172)**

Apakah tindakan kerajaan atas pemaju perumahan yang tidak dapat menyempurnakan kerja kerja perumahan sedangkan pemilik sudah mula berhutang tetapi projek terbengkalai?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebelum saya menjawab soalan ini, seperkara yang perlu saya perjelaskan di dewan yang mulia ini, untuk projek terbengkalai ia bukanlah dibawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Tetapi ia tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu melibatkan bidang kuasa Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Seksyen 11 (1) (a) Akta 118.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sesuatu projek diisytiharkan terbengkalai berdasarkan kriteria berikut :

- i. Tidak siap dalam atau luar tempoh perjanjian jual beli (S&P) dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan; atau
- ii. Petisyen penggulungan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1966; atau
- iii. Syarikat diletakkan dibawah Pegawai Penerima & Pengurus (Receiver & Manager); atau
- iv. Pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan

Tindakan yang diambil ke atas pemaju oleh Kementerian Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut :

- 1) Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman (white knight) untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;
- 2) KPKT bekerjasama dengan Jabatan Insolvency Malaysia/pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai. KPKT bertindak sebagai pemudah cara atau mediator bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiayaan (institusi kewangan);
- 3) KPKT juga turut mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai, pemaju-pemaju terlibat dengan projek sakit, pemaju-pemaju gagal membayar kompaun, pemaju-pemaju "ingkar award" Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan pemaju-pemaju perumahan tanpa lesen. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam turut dipaparkan dalam laman sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan stakeholders yang lain;

- 4) KPKT juga telah membuat pindaan kepada Akta 118 yang telah dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318) bermula 1 Jun 2015 untuk mengelakkan projek perumahan swasta daripada terbengkalai. Pindaan kepada Akta 118 dan peraturan-peraturan adalah seperti berikut:
- i. Seksyen 6
Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran profesional tetapi tidak termasuk kos tanah.
 - ii. Seksyen 8
Pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama 6 bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani dengan syarat perlu mendapat perakuan daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya.
 - iii. Subseksyen 24(2)(g) [Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan]
Menaikkan kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah peraturan daripada RM20,000 kepada RM50,000.
 - iv. Seksyen 18A (Fasal Baharu)
Tindakan pendakwaan terhadap pemaju perumahan berlesen yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai mulai Jun 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini belum ada projek perumahan diisytiharkan sebagai terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di kawasan Kukup. Setakat tarikh ini, terdapat sebanyak 47 projek perumahan swasta terbengkalai di negeri Johor meliputi 9,651 unit rumah melibatkan seramai 6,565 orang pembeli. Daripada jumlah 47 projek itu, sebanyak 39 buah projek telah siap diduduki/diselesaikan manakala terdapat 8 buah projek lagi masih dalam pelbagai status iaitu 7 projek sedang dalam peringkat perancangan awal pemulihan dan 1 projek sedang dipulihkan. Status pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai di negeri Johor adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Kategori	Bil. Projek	Bil. Rumah	Unit	Bil. Pembeli
Jumlah Keseluruhan	47 (100%)	9,651		6,565
Selesai	39 (83%)	7,056		4,446
Baki Projek Terbengkalai:				
i. Perancangan	7 (15%)	2,535		2,071
ii. Sedang Dipulihkan	1 (2%)	60		48
Jumlah	8 (17%)	2,595		2,119

Wahima begitu, walaupun kerajaan Negeri tidak pun mempunyai kuasa ke atas projek terbengkalai, kerana ia melibatkan kesejahteraan Bangsa Johor yang dikasihi maka kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Johor telah melaksanakan mesyuarat kordinasi antara Pemaju, Kontraktor dan Pembeli serta mencadangkan jalan penyelesaian yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 22 (A84)**

Minta pihak BPEN memaklumkan berapakah jumlah syarikat yang terlibat dalam projek zon pengeluaran makanan didalam DUN Pemanis? Sejauh manakah pemantauan dibuat terutama bagi syarikat yang menyalahgunakan kawasan tersebut sebagai kawasan peladangan sawit dan getah tapi bukan pertanian seperti didalam syarat asal?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Zon Khas Pelaburan Makanan Negeri Johor (ZPM) di daerah Segamat telah dimulakan pada tahun 1990 secara kurniaan pajakan 30 tahun & 60 tahun dan diusahakan oleh 12 buah syarikat & 3 persendirian. Pihak Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) telah mengambil maklum bahawa terdapat syarikat pengusaha yang telah melanggar syarat nyata tanah.

Sehubungan itu, satu Jawantakuasa Taskforce yang turut dianggotai oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) telah ditubuhkan bagi mengkaji dengan lebih terperinci isu-isu yang dihadapi serta cadangan penyelesaian yang boleh diambil. BPEN juga dengan kerjasama daripada pihak PTG sedang mengenalpasti tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil kepada syarikat-syarikat pengusaha yang telah melanggar syarat nyata tanah. Buat masa ini, antara tindakan yang telah diambil adalah dengan menolak permohonan sambung pajakan oleh syarikat pengusaha serta rayuan permohonan ubahsyarat nyata tanah.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 23 (A19)**

Bolehkah kerajaan menerangkan pekeliling manakah atau peruntukan kuasa manakah yang digunapakai untuk menghalang mana-mana Wakil Rakyat termasuk Wakil Rakyat pembangkang untuk berurusan dan memasuki sekolah bagi menghadiri jemputan program sekolah atau sebagainya.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) sangat komited berkaitan usaha-usaha penglibatan pelbagai pihak luar dalam aktiviti berunsur pendidikan yang melibatkan murid dan guru di institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Semua majlis di sekolah yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu hendaklah memohon kebenaran KPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/2008 bertarikh 31 Mac 2008: Prosedur Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar. Perkara tersebut telah diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Keutuhan KPM pada 24 Mac 2008.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 24 (A184)**

Mohon pihak JKR menurap semula jalan di sepanjang Pekan Senggarang memandangkan jalan tersebut merupakan jalan utama dan tidak pernah diturap sejak lebih 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa prihatin dalam memastikan keadaan jalan raya selamat kepada pengguna, jalan di sepanjang Pekan Senggarang adalah sebahagian daripada Laluan Persekutuan 5 (FT005) Seksyen 105.0 hingga 107.0 yang diselenggara oleh Syarikat Konsesi Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd. Dengan pelaksanaan penyenggaraan rutin sahaja sejak tahun 2018. Skop penyenggaraan rutin adalah penampalan *pothole* (RO1), mengaras semula bahu jalan (RO2), pemotongan rumput (RO3), Mencuci Perabot Jalan (RO4), Mencuci Pembentung (RO5), dan mencuci longkang dan parit tepi jalan (RO7).

Bagi pembaikan berskala besar seperti menurap semula jalan, skop ini telah dikeluarkan dari perjanjian Kerajaan dan Pihak Konsesi bagi memberi ruang kepada penambahbaikan iaitu pelaksanaan kontrak penyenggaraan yang baru bagi laluan FT001, FT003 dan FT005 secara Performance Based Contract (PBC) yang dijangka akan ditandatangani pada pertengahan Jun ini dan mula berkuatkuasa pada bulan Julai 2022. Sepanjang tempoh skop pembaikan besar ini dikeluarkan, Jabatan Kerja Raya telah melaksanakan kerja-kerja menurap semula secara sebutharga di Lokasi-lokasi sebagaimana berikut:-

Bil.	Tahun	Perihal Kerja	Kos (RM)
1.	2020	Membarumuka jalan (Seksyen 138.0-139.0)	500,000.00
2.	2020	Membarumuka jalan (Seksyen 139.0-140.0)	500,000.00
3.	2020	Membarumuka jalan (Seksyen 118.0-119.0)	500,000.00
4.	2021	Membarumuka jalan (Seksyen 94.0-94.5)	400,000.00

Walau bagaimanapun, Jabatan Kerja Raya Johor telah mengangkat senarai permohonan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) untuk Tahun 2022 yang melibatkan semua jalan persekutuan di negeri Johor termasuk laluan FT005 pada bulan Oktober 2021 dengan senarai keutamaan berikut:-

- i. Seksyen 118.0 hingga 119.0 (Taman Wawasan hingga Kubur Banang)
- ii. Seksyen 86.0 hingga 95.0 (Belahan Tampok hingga Sekolah Kebangsaan SG. Tongkang)

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

- iii. Seksyen 140.0 hingga 144.0 (Masjid PT. Bajuri hingga PT. Bisu)
- iv. Seksyen 127.0 hingga 128.0 (Summit hingga Pelican Hotel)
- v. Seksyen 95.0 hingga 98.0 (Sekolah Kebangsaan Tongkang hingga Punggur).

Dengan pelaksanaan *Performance Based Contract* ini kelak, standard dan keselesaan Laluan Persekutuan 5 ini akan senantiasa berada di dalam keadaan terbaik.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 25 (A180)**

Apakah tindakan yang akan diambil oleh PBT apabila syarikat konsesi didapati kurang cemerlang dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan khususnya longkang, parit dan pengurusan sampah sarap?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebagaimana seksyen 3 Akta 672 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang telah berkuatkuasa mulai 01 September 2011 di tujuh (7) buah negeri memperuntukkan seperti berikut;

“3. Kerajaan Persekutuan hendaklah, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, mempunyai kuasa eksekutif berkenaan dengan segala perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh semenanjung Malaysia dan Wilayah – Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan.”

Sejajar dengan peralihan kuasa eksekutif pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan kepada Kerajaan Persekutuan, satu Perjanjian Tripartite (Perjanjian 3 Pihak) telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi melancarkan proses peralihan bidang kuasa tersebut. Tempoh Perjanjian adalah selama 22 tahun bermula dari tarikh penerimaan Akta 672 di negeri-negeri yang berkenaan iaitu 01 September 2011. Selagi mana sesuatu negeri itu menerimapiakai Akta 672, maka selagi itulah Perjanjian masih berkuatkuasa dan terpakai di negeri berkenaan.

Berdasar kepada perjanjian tersebut, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah diwujudkan sebagai agensi yang menguatkuasa dan menguruskan berkaitan sisa pepejal dan pembersihan awam manakala SWM Environment Sdn. Bhd. merupakan kontraktor pelaksana bagi kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, KPI (Key Performance Indicator) pihak konsesi daripada segi kutipan dan pembersihan awam sentiasa dipantau oleh SWCorp bagi memastikan khidmat yang diberikan kepada rakyat berada pada tahap yang memuaskan.

Jika syarikat konsesi gagal melaksanakan tugas-tugas sebagaimana yang telah ditetapkan dalam perjanjian, pihak SWCorp akan mengambil tindakan dengan melaksanakan pemotongan bayaran kepada SWM Environment Sdn. Bhd. Hal Ini

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

menunjukkan bahawa PBT hanya bertindak sebagai agensi pembayar dan sebarang ketidakpatuhan perkhidmatan syarikat konsesi adalah di bawah tindakan SWCorp.

Pihak PBT melaksanakan kaedah pemantauan berhubung prestasi perkhidmatan syarikat konsesi dengan menjadikan laporan prestasi tersebut sebagai agenda tetap yang dibentangkan oleh pihak SWCorp di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Perlesenan PBT Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 26 (A26)**

Pada 11 September 2019, Kertas Cadangan Peluasan Operasi KEJORA untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang melibatkan 3 kampung di dalam DUN Pasir Raja telah ditangguhkan. Apakah status kertas cadangan itu?

JAWAPAN YB DATO' ZAHARI BIN SARIP

Laporan Kajian Pelan Hala Tuju Pembangunan Kampung Wilayah KEJORA bagi tujuan Cadangan Peluasan Kawasan Operasi KEJORA telah dibentangkan kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) pada 4 Mac 2021.

Susulan daripada sesi pembentangan tersebut, mesyuarat bersetuju bahawa beberapa perkara perlu ditambahbaik ke atas laporan Cadangan Peluasan Kawasan Operasi KEJORA serta bersetuju supaya pihak BPENJ akan mengatur sesi perbincangan dan pembentangan bersama Ahli Majlis Kerajaan Negeri Johor sebelum Kertas Cadangan Peluasan Kawasan Operasi KEJORA di angkat ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Johor (MMK). Pembentangan terkini kepada BPENJ telah diadakan pada 16 Mei 2022. Status terkini, pihak BPENJ sedang mengatur satu perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) dan seterusnya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 27 (A104)**

Berapakah jumlah keseluruhan kutipan caj pencemaran plastik negeri Johor setakat ini?

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Sebagaimana sedia maklum, Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-76 (MNKT-76) yang bersidang pada 18 November 2020 telah bersetuju dengan cadangan daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) berkenaan "Pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan" yang bertujuan untuk mengurangkan pencemaran sisa plastik melalui penggunaan beg plastik sekali guna (beg jinjit) untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam melestarikan alam sekitar.

Seterusnya, menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 10 Mac 2021 telah bersetuju dengan pelaksanaan kempen tiada beg plastik percuma di pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri Johor.

Setiap premis yang telah berdaftar untuk melaksanakan kempen tiada beg plastik percuma dibenarkan untuk mengenakan caj sebanyak RM 0.20 bagi setiap helaian beg plastik yang dibekalkan kepada pelanggan di premis perniagaan semasa membuat pembayaran. Caj pencemaran yang dikutip oleh premis perniagaan perlu diserahkan secara bulanan kepada PBT.

Setiap caj pencemaran yang dikutip oleh PBT akan dijadikan hasil di bawah kod hasil 71458- caj pencemaran dan akan menjadi punca hasil baharu di PBT. PBT boleh menggunakan hasil peruntukan tersebut untuk program berkaitan kelestarian alam sekitar selain boleh menampung perbelanjaan mengurus yang lain.

Secara amnya, punca kuasa bagi pelaksanaan kempen tiada beg plastik percuma ini adalah melalui syarat tambahan permohonan lesen perniagaan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan di bawah peruntukan seksyen 107 (2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Berdasarkan kepada sub seksyen ini, PBT mempunyai kuasa untuk mewajibkan premis perniagaan untuk mengutip caj pencemaran bagi pihak PBT. Oleh itu, PBT perlu mewujudkan peruntukan yang seragam bagi membenarkan kutipan caj pencemaran ke atas beg plastik dalam undang-undang kecil yang berkaitan melalui pindaan undang-undang kecil tersebut bagi memastikan pelaksanaannya melalui proses perundangan yang telus dan tersusun seterusnya bagi tujuan penguatkuasaan.

Setakat ini, PBT belum melaksanakan kutipan caj pencemaran tersebut sejak Mac 2021 yang lalu dan menangguhkan pelaksanaan dan penguatkuasaan di lapangan

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

disebabkan faktor pandemik Covid-19 yang memberi kesan secara langsung kepada persekitaran ekonomi.

Seterusnya, pentadbiran ini bersama pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan serta PBT Negeri Johor akan memperhalusi kaedah-kaedah yang bersesuaian seperti melaksanakan kempen bersama pihak pusat beli belah dan pihak-pihak lain yang berkaitan dan berkepentingan serta mengenalpasti kaedah kutipan yang mudah dan berkesan dengan mengambil kira kaedah yang dilaksanakan oleh negeri-negeri lain bagi membolehkan PBT mendapatkan hasil tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 28 (A73)**

Berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai sekian lama yang tidak dapat disiapkan oleh pemaju khususnya di kawasan Kukup serta tindakan kerajaan negeri Johor untuk mengatasinya.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Sebelum saya menjawab soalan ini, seperkara yang perlu saya perjelaskan di dewan yang mulia ini, untuk projek terbengkalai ia bukanlah dibawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Tetapi ia tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu melibatkan bidang kuasa Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaras dengan Seksyen 11 (1) (a) Akta 118.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sesuatu projek diisytiharkan terbengkalai berdasarkan kriteria berikut :

- i. Tidak siap dalam atau luar tempoh perjanjian jual beli (S&P) dan tiada sebarang aktiviti yang ketara di tapak pembinaan selama 6 bulan secara berterusan; atau
- ii. Petisyen penggulungan telah didaftarkan di Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1966; atau
- iii. Syarikat diletakkan dibawah Pegawai Penerima & Pengurus (Receiver & Manager); atau
- iv. Pemaju mengakui tidak berupaya secara bertulis kepada Pengawal Perumahan

Tindakan yang diambil ke atas pemaju oleh Kementerian Kerajaan Tempatan adalah seperti berikut :

- 1) Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman (white knight) untuk mengambil alih pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai;
- 2) KPKT bekerjasama dengan Jabatan Insolvency Malaysia/pelikuidasi swasta bagi membantu memulihkan projek perumahan terbengkalai. KPKT bertindak sebagai pemudah cara atau mediator bagi membantu pelikuidasi dan kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal serta pihak pembiayaan (institusi kewangan);
- 3) KPKT juga turut mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai, pemaju-pemaju terlibat dengan projek sakit, pemaju-pemaju gagal membayar kompaun, pemaju-pemaju "ingkar award" Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan pemaju-pemaju perumahan tanpa lesen. Apabila disenarai hitam, pemaju dan ahli lembaga pengarah syarikat

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan dan jualan. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam turut dipaparkan dalam laman sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan stakeholders yang lain;

- 4) KPKT juga telah membuat pindaan kepada Akta 118 yang telah dikuatkuasakan bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dan Akta Hak milik Strata (Pindaan) 2013 (Akta 318) bermula 1 Jun 2015 untuk mengelakkan projek perumahan swasta daripada terbengkalai. Pindaan kepada Akta 118 dan peraturan-peraturan adalah seperti berikut:
- i. Seksyen 6
Deposit lesen pemajuan perumahan dipinda dari RM200,000 kepada 3.0% daripada anggaran kos pembinaan termasuk kos yuran profesional tetapi tidak termasuk kos tanah.
 - ii. Seksyen 8
Pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama 6 bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani dengan syarat perlu mendapat perakuan daripada Pengawal Perumahan dan mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya.
 - iii. Subseksyen 24(2)(g) [Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan]
Menaikkan kadar penalti maksimum bagi kesalahan di bawah peraturan daripada RM20,000 kepada RM50,000.
 - iv. Seksyen 18A (Fasal Baharu)
Tindakan pendakwaan terhadap pemaju perumahan berlesen yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai mulai Jun 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini belum ada projek perumahan diisytiharkan sebagai terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di kawasan Kukup. Setakat tarikh ini, terdapat sebanyak 47 projek perumahan swasta terbengkalai di negeri Johor meliputi 9,651 unit rumah melibatkan seramai 6,565 orang pembeli. Daripada jumlah 47 projek itu, sebanyak 39 buah projek telah siap diduduki/diselesaikan manakala terdapat 8 buah projek lagi masih dalam pelbagai status iaitu 7 projek sedang dalam peringkat perancangan awal pemulihan dan 1 projek sedang dipulihkan. Status pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai di negeri Johor adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Kategori	Bil. Projek	Bil. Rumah	Unit	Bil. Pembeli
Jumlah Keseluruhan	47 (100%)	9,651		6,565
Selesai	39 (83%)	7,056		4,446
Baki Projek Terbengkalai:				
i. Perancangan	7 (15%)	2,535		2,071
ii. Sedang Dipulihkan	1 (2%)	60		48
Jumlah	8 (17%)	2,595		2,119

Wahima begitu, walaupun kerajaan Negeri tidak pun mempunyai kuasa ke atas projek terbengkalai, kerana ia melibatkan kesejahteraan Bangsa Johor yang dikasihi maka kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Johor telah melaksanakan mesyuarat kordinasi antara Pemaju, Kontraktor dan Pembeli serta mencadangkan jalan penyelesaian yang bersesuaian.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 29 (A150)**

Selepas pandemik COVID-19, negara dan negeri Johor khususnya dan ditambah dengan pembukaan sempadan dan berlakunya revolusi pendigitalan yang pantas menyebabkan sektor swasta telah mengalami kekurangan pekerja. Apakah strategi kerajaan untuk membantu mengatasi mengatasi masalah ini selain meningkatkan kelajuan wifi di setiap daerah?

JAWAPAN YB TUAN HAIRI BIN MAD SHAH

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sentiasa berusaha menarik minat para pencari kerja untuk mengisi keperluan majikan dan industri dalam sektor swasta. Antaranya, PERKESO telah melaksanakan libat urus secara aktif bersama Institut Pengajian Tinggi (IPT), Kolej Teknikal dan Vokasional untuk melaksanakan pelbagai program yang berteraskan *Active Labour Market Policies* (ALMPs) kepada para graduan sebelum mereka tamat pengajian. Ini adalah bertujuan meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran graduan seterusnya menyalurkan mereka ke alam pekerjaan bagi memenuhi permintaan tenaga buruh daripada majikan yang menawarkan pelbagai jawatan.

Selain itu, Program Penempatan Pekerjaan Semula (PPPS) juga merupakan salah satu tindakan proaktif PERKESO bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan pekerjaan yang baharu. Program ini juga telah diperluaskan kepada golongan khas yang lain seperti Belia, OKU, Gelandangan, Bekas Banduan, Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PPKM), Golongan B40, rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja di Singapura, rakyat yang tinggal di Program Perumahan Rakyat (PPR) dan lain-lain golongan sasaran.

PERKESO sememangnya bergiat aktif dan komited untuk membantu seluruh masyarakat tidak kira di kawasan bandar mahupun luar bandar yang memerlukan peluang pekerjaan demi kelangsungan hidup mereka. Program – program yang telah dilaksanakan oleh PERKESO adalah seperti Karnival Pekerjaan, E-Career Fair, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, Career talk, Program Profiling Golongan Sasaran, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya, Kaunter Pendaftaran MYFutureJobs dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan.

Bagi memastikan golongan pencari kerja yang berada di kawasan pedalaman tidak tercicir, PERKESO telah melakukan libat urus dengan Pusat Komuniti Desa (PKD) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Penubuhan Pusat Satelit MYFutureJobs. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memudahkan dan membantu

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

masyarakat luar bandar mendapatkan perkhidmatan seperti penggunaan komputer, capaian internet yang lebih stabil dan tempat yang selesa. Secara langsung, PERKESO dapat membantu para pencari kerja memohon pekerjaan terus melalui Portal MYFutureJobs dan mengikuti program – program PERKESO seperti temu duga secara dalam talian. Ini merupakan salah satu strategi kerajaan yang sememangnya memberi impak yang besar kepada seluruh rakyat di Johor seterusnya membantu mengurangkan masalah kekurangan pekerja dalam sektor pekerjaan swasta. Sehingga kini, jumlah Pusat Satelit MYFutureJobs di seluruh Malaysia adalah sebanyak 77 buah dan 3 buah daripadanya adalah di negeri Johor iaitu di PKD Tanjung Sedili, PKD Air Merah dan PKD Melayu Nyior.

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, Portal Pekerjaan Negara, Portal MYFutureJobs telah diwujudkan oleh PERKESO bertujuan untuk membantu para pencari kerja mendapatkan peluang pekerjaan berdasarkan padanan pekerjaan yang bersesuaian dengan pengalaman dan kemahiran mereka.

Tambahan lagi, Portal MYFutureJobs ini juga adalah satu platform pemudahcara kepada majikan untuk mengiklankan jawatan kosong dan membantu majikan mendapatkan pekerja yang bersesuaian dengan kriteria dan keperluan industri. Secara tidak langsung, portal ini merupakan medium utama majikan untuk mendapatkan pekerja yang berkualiti dan seterusnya memenuhi permintaan pasaran buruh yang diperlukan oleh majikan.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 30 (A53)**

Minta dinyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf dan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di kawasan kampung tradisi yang kini pesat membangun seperti di Parit Raja bagi menangani aduan gangguan bekalan air dari warga setempat.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Parit Raja, berkaitan perancangan kerajaan negeri dalam menangani aduan bekalan air dari warga setempat, Ranhill SAJ menerusi Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sedang melaksanakan projek menaik taraf sistem bekalan air di kawasan Parit Raja.

Projek ini melibatkan pembinaan tangki servis berkapasiti 3MI dan pemasangan paip air yang akan menyalurkan air ke kawasan Parit Raja dan sekitarnya melalui punca bekalan air dari Loji Rawatan Air (LRA) Sembrong Barat.

Status projek terkini adalah masih di dalam proses reka bentuk terperinci (*Detail Design*) oleh Jurutera Perunding yang dilantik.

Selain itu, sebagai penyelesaian jangka panjang, cadangan pembinaan Loji Rawatan Air baru di daerah Batu Pahat berkapasiti 40Mld akan dilaksanakan bagi menampung keperluan dan permintaan air di kawasan pesat membangun, terutamanya di Parit Raja. Penyiapan loji rawatan air baharu ini dijangka siap pada tahun 2027 dengan kos anggaran sebanyak RM 180 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 31 (A177)**

Setelah 2 tahun COVID-19 banyak kawasan terbiar dan rosak. Apakah langkah kerajaan negeri untuk membangunkan semula kawasan terbiar di DUN Mahkota khususnya?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Mahkota, Majlis Perbandaran Kluang (MPK) telah membelanjakan sebanyak RM398 ribu pada tahun 2020 dan RM393 ribu pada tahun 2021 bagi tujuan penyelenggaraan gerai-gerai milik Majlis Perbandaran Kluang manakala pada tahun 2022 pihak MPK telah memperuntukkan sebanyak RM417 ribu bagi tujuan yang sama.

Manakala, Pejabat Daerah Kluang pula telah membelanjakan sebanyak RM1,489,296.92 melibatkan 11 projek pada Tahun 2021 bagi tujuan menaik taraf serta membina Jalan, menaik taraf pembentung yang runtuh, baik pulih serta naiktaraf balai raya, baik pulih parit konkrit dan kerja-kerja mencuci dan membersihkan sungai. Selain itu, sejumlah RM286,830.00 melibatkan 5 projek sehingga Mei Tahun 2022 bagi tujuan membina jalan, kerja-kerja baik pulih balai raya, kerja-kerja baik pulih parit konkrit dan kerja-kerja membaik pulih hakisan tebing.

Namun begitu, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sepanjang tempoh dua (2) tahun akibat penularan wabak COVID-19 ini telah menyebabkan banyak aktiviti terhenti, termasuk di daerah Kluang. Justeru, pada tahun 2022 Mesyuarat PRA Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah Kluang dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah Kluang telah diadakan bagi menangani isu-isu di Daerah Kluang.

Semasa Lawatan Menteri Besar pada 12 Mei 2022, Pejabat Daerah Kluang telah mengumpul isu-isu di Daerah Kluang dan YB ADUN telah membentangkan isu tersebut.

Isu-isu yang diberikan akan dimajukan kepada agensi-agensi berkaitan untuk dimohon peruntukan kepada KPLB, BALB, Pejabat Kewangan Negeri dan Pejabat Menteri Besar Johor.

Perancangan Pejabat Daerah Kluang bagi memastikan penggunaan aset-aset kerajaan untuk tujuan awam (Dewan-Dewan, Balairaya dan sebagainya) dioptimumkan adalah lebih kepada pembaikan untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti dan Program-Program di peringkat Komuniti.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Untuk makluman Yang Berhormat Mahkota juga, akibat pelaksanaan tempoh PKP yang berkuatkuasa, telah menyebabkan ramai peniaga terjejas dan ada di antara mereka yang telah mengambil keputusan untuk menutup seketika perniagaan akibat kekurangan pelanggan.

Sehubungan itu juga, gerai-gerai MPK telah ditutup dan ini menyebabkan lokasi tersebut menjadi seperti kawasan terbiar dan tidak digunakan. Untuk memastikan peniaga dapat menjalankan perniagaan sepenuhnya, bermula fasa endemik pada 1 April 2022 yang lalu, pihak MPK telah memastikan gerai-gerai majlis sentiasa di dalam keadaan yang baik agar peniaga dapat meneruskan operasi perniagaan masing-masing seperti biasa. Terdapat beberapa kawasan yang selama ini terbiar akan dinaik taraf semula untuk kegunaan belia dan juga peniaga- peniaga di kawasan bandar Kluang.

Extreme Park Kluang yang selama ini terbiar akan dinaik taraf dengan peruntukkan sebanyak RM1.5 juta.

Bagi memastikan kawasan ini akan dapat digunakan sepenuhnya selepas dinaik taraf kelak, pihak MPK akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti Komuniti Sukan Xtreme, Persatuan Belia dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain agar kawasan ini kelak akan menjadi salah satu lokasi tarikan bagi belia melakukan aktiviti sihat di daerah Kluang.

Pihak MPK juga mengambil maklum berkaitan Gerai MPK Jalan Panggung yang keadaannya telah terlalu uzur.

Oleh itu, pihak MPK telah membuat cadangan untuk menaik taraf keseluruhan kawasan ini yang melibatkan 90 unit ruang meniaga, surau lelaki dan perempuan serta tandas bagi digunakan oleh orang awam serta peniaga.

Keseluruhan anggaran naik taraf kawasan ini adalah sebanyak RM4 juta dan permohonan telahpun dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Berikut adalah lampiran senarai projek-projek di daerah Kluang:

SENARAI PROJEK DUN MAHKOTA TAHUN 2022 (Januari – Mei)

BIL.	NAMA PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN	CATATAN
1.	KERJA-KERJA MEMBINA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KG PADANG TEMBAK, MUKIM KLUANG	RM 46,830.00	Projek telah siap dilaksanakan
2.	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KAMPUNG BENTONG, MUKIM KLUANG SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN.	RM 20,000.00	50% Kerja telah dilaksanakan di tapak
3.	KERJA-KERJA BAIKPULIH BALAIRAYA KAMPUNG PALEMBANG (PUSAT PEMINDAHAN BANJIR), MUKIM KLUANG SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN.	RM 20,000.00	Projek telah siap dilaksanakan
4.	KERJA – KERJA BAIKPULIH PARIT KONKRIT DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LORONG BALAIRAYA 3, KAMPUNG PALEMBANG LAMA, KLUANG	RM 150,000.00	Dalam penjualan proses harga sebut
5.	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH HAKISAN TEBING JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG BENTONG, KLUANG	RM 50,000.00	Dimasukkan dalam senarai Perdana Undi pada 12.06.2022
	JUMLAH KESELURUHAN	RM 286,830.00	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

SENARAI KERJA G1		
BIL	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
1	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN PERTANIAN DI KAMPUNG TENGAH DALAM, KLUANG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN	45,050.00
2	KERJA-KERJA BAIKPULIH KOMPLEKS PENGHULU MUKIM KLUANG	28,525.92
3	KERJA-KERJA BAIKPULIH PEMBENTUNG YANG RUNTUH, BAIKPULIH HAKISAN TEBING JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN BALAIRAYA KAMPUNG PALEMBANG LAMA, MUKIM KLUANG	142,500.00
4	KERJA-KERJA MEMBINA JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG PADANG TEMBAK, MUKIM KLUANG, JOHOR	46,830.00
5	KERJA-KERJA BAIKPULIH DAN NAIKTARAF BALAIRAYA KAMPUNG BENTONG LUAR, MUKIM KLUANG, KLUANG, JOHOR	142,640.00
JUMLAH		405,545.92

SENARAI KERJA TENDER		
BIL	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
1	KERJA-KERJA BAIKPULIH PARIT KONKRIT, CULVERT, PENGUKUHAN TEBING, BAIKPULIH JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN KAMPUNG TENGAH DALAM, MUKIM KLUANG	853,751.00
JUMLAH		853,751.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

<u>SENARAI KERJA KURNIA</u>		
BIL	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
1	KERJA-KERJA MENCUCI DAN MEMBERSIHKAN SUNGAI MELANTAI DI KAMPUNG BENTONG, MUKIM KLUANG SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN	20,000.00
JUMLAH		20,000.00
<u>SENARAI KERJA UNDI</u>		
BIL	PROJEK	NILAI PROJEK (RM)
1	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PARIT DAN LAIN-LAIN KERJA YUANG BERKAITAN DI LORONG HASSAN, KAMPUNG BENTONG/BENTONG DALAM, MUKIM KLUANG	30,000.00
2	KERJA-KERJA PENGUKUHAN BAHU JALAN, PENYELENGGARAAN PERABOT JALAN DAN LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG PALEMBANG BARU, MUKIM KLUANG	50,000.00
3	KERJA-KERJA BAIKPULIH KEBOCORAN BUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH AGAMA KAMPUNG TENGAH, MUKIM KLUANG	50,000.00
4	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH HAKISAN TEBING DAN MEMBINA JALAN DI LORONG MAK INTAN, KAMPUNG PADANG TEMBAK, MUKIM KLUANG	80,000.00
JUMLAH		210,000.00

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

RINGKASAN JUMLAH KESELURUHAN

SENARAI PROJEK	BIL. KERJA	NILAI KERJA
PROJEK G1	5	405,545.92
TENDER	1	853,751.00
KURNIA	1	20,000.00
UNDI	4	210,000.00
JUMLAH	11	1,489,296.92

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 32 (A25)**

Nyatakan perancangan kerajaan untuk membina jalan alternatif bagi menggantikan jalan tikus yang menggabungkan jalan antara Taman Bukit Indah dan Taman Nusa Bestari dan tindakan untuk mengatasi masalah lalu lintas di jalan tersebut.

JAWAPAN YB TUAN IR. TS. MOHAMAD FAZLI BIN MOHAMAD SALLEH

Untuk makluman Cadangan jalan pintas ini adalah dibawah pentadbiran Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan ia telah berada dalam perhatian dan cadangan pihak Majlis. Pihak Majlis mempunyai perancangan bagi membina jalan baharu untuk menghubungkan kedua-dua taman antara jalan Taman Bukit Indah dan Taman Nusa Bestari melalui Bandar Selesa Jaya dan Taman Afiat. Pelaksanaan lantikan Perunding projek akan dilaksanakan setelah isu seperti tanah yang merupakan rizab milik TNB, KTMB dan JPS diselesaikan terlebih dahulu. Untuk makluman juga, sebelum ini pihak majlis telah melantik perunding bagi membuat kajian lalulintas bagi mengenalpasti lokasi yang sesuai bagi jalan baharu.

Terdapat 5 cadangan laluan bagi menyelesaikan isu berkenaan sepertimana jadual 1:

LALUAN	PENERANGAN LALUAN	PANJANG	CADANGAN UTAMA	KELEBIHAN	KELEMAHAN	CATATAN
Laluan No. 1	Jalan Selesa Jaya - Bulatan Jalan Persiaran Afiat	4.60km	i. Jalan baru diteruskan dari Jalan Selesa Jaya ii. Melintas di bawah jambatan keretapi sedia ada iii. Jambatan atas Sg Danga iv. Box culvert dan penjajaran semula longkang utama	Melintas KTMB di bawah jambatan yang sedia ada	Jarak yang lebih jauh untuk membina (1.5km dari laluan sedia ada)	

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 19 JUN 2022**

Laluan No. 2a	Jalan Silat Gayong 18 - Persiaran Indah Utama (Bulatan)	0.80km	i. Terowong di bawah landasan keretapi ii. Pilihan - untuk membina jambatan/culvert dan menjajarkan semula landasan keretapi setelah siap	i. Ikat terus ke bulatan(roundabout) sedia ada - aliran trafik yang lebih baik ii. Berdekatan dengan laluan haram sedia ada	LA additional land "injury"	
Laluan No. 2b	Jalan Silat Gayong 18 - Persiaran Indah Utama (Keluar/Masuk)	0.603km	i. Terowong di bawah landasan keretapi ii. Pilihan - untuk membina jambatan/culvert dan menjajarkan semula landasan keretapi setelah siap	Jarak yang lebih pendek berbanding 2(a)	Only left in/out at tie in	
Laluan No. 3	Jalan Nb 2 11/8 - Jalan Persiaran Sungai Danga	0.92km	Jejantas melintasi landasan keretapi. Tidak berdaya maju kerana tidak cukup ruang (rizab) untuk menaik dan menuruni jambatan	Berdekatan dengan laluan sedia ada	Mustahil untuk dibina	Dibuang
Laluan No. 4	Jalan Nb 2 11/8 - Jalan Persiaran Sungai Danga (sedia ada)	1.32km	- Melintas di bawah jambatan sedia ada- LA Private Land- Menaik taraf penjajaran sedia ada	Laluan sedia ada (laluan haram)	Tanah persendirian/ perseorangan untuk diperolehi	Tidak digalakkan untuk melalui kawasan perumahan
Laluan No. 5	Persiaran Afiat - Jalan Selesa Jaya melalui cadangan Laluan No. 1	4.50km	i. Bergabung dengan bulatan di stadium baharu dan sertai Jalan Negeri JKR (J4) - Box culvert	i. Rizab tersedia (tiada LA diperlukan) ii. Dikenakan kepada pemaju	-	Laluan tambahan sebagai penyuraian lalu lintas untuk melengkapkan laluan 1 atau 2